

21/05/2001

`Perpaduan agenda utama'

Shamsul Kamal Amarudin; Suzianah Jiffar

KOTA KINABALU, Ahad - Keputusan membubarkan parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) dan ahlinya menyertai Umno beramai-ramai, jelas membuktikan golongan Bumiputera di Sabah lebih mengutamakan perpaduan kebangsaan.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri yang juga Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP), Datuk Chong Kah Kiat, berkata pihaknya juga mengalu-alukan keputusan ahli Akar untuk menyertai Umno secara beramai-ramai.

"Dalam masa sama, jika ada antara mereka yang berminat menyertai parti komponen BN lain, saya percaya keputusan itu juga akan dialu-alukan dan diterima.

"Apa yang dilakukan oleh Akar itu menunjukkan kita memerlukan perpaduan...daripada cara pengorbanan Pandikar (Datuk Pandikar Amin Mulia) serta keputusan Akar itu untuk menyertai Umno, ia semata-mata bermatlamat perpaduan," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita ketika ditemui selepas mengiringi kepulangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali ke Kuala Lumpur, di Terminal Dua Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini, hari ini.

Sebelum itu, Dr Mahathir selaku Pengerusi BN dan Presiden Umno mengisytiharkan keputusan kepimpinan Akar yang diketuai Pandikar Amin, membubarkan parti itu.

Chong yang juga Ketua Menteri berkata, keputusan itu secara tidak langsung menunjukkan demokrasi benar-benar berlaku dalam BN dan di negara ini kerana sesiapa sahaja bebas untuk menubuhkan atau membubarkan parti politik, tertakluk kepada keputusan pemimpin, penyokong dan rakyat.

Berikutan pembubaran Akar itu juga, LDP kini menjadi parti tertua dalam komponen BN negeri kerana ia didaftarkan pada Julai 1989 berbanding Akar pada September tahun yang sama.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Osu Sukam, pula berkata tidak ada masalah untuk bekas ahli Akar menyertai Umno asalkan dibuat menerusi saluran yang betul.

"Saya memberi jaminan tidak akan ada masalah untuk mereka menyertai Umno. Kami tidak ada masalah untuk menerima kemasukan mereka, malah akan mempermudah lagi kemasukan bekas ahli Akar dalam Umno," katanya.

Mengenai bekas ahli Akar bukan Bumiputera yang ingin menyertai Umno, Osu yang juga Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno berkata pihaknya perlu menunggu terlebih dahulu sehingga satu keputusan muktamad dibuat oleh MT bagi membolehkan ahli bukan Bumiputera menyertai Umno.

"Ketika ini, perlembagaan parti tidak membenarkan bukan Bumiputera menyertai Umno. Oleh itu, kita terpaksa tunggu satu keputusan oleh pihak MT bagi membolehkan perkara ini dilakukan," katanya.

Setiausaha Agung Parti Pasok Momogun Kadazandusun Murut Sabah (Upko), Datuk Wences Anggang, berkata pembubaran parti Akar adalah keputusan yang baik kerana dapat mengurangkan bilangan parti politik di Sabah.

"Keadaan ini membolehkan rakyat lebih bijak untuk memilih mana parti yang mereka ingin sertai. Dalam masa sama akan memantapkan perpaduan antara rakyat berbilang kaum di negeri ini," katanya.

Beliau yang juga Timbalan Ketua Menteri bersetuju dengan saranan bekas presiden Akar untuk memberi peluang kepada bekas ahli parti itu menyertai mana-mana parti komponen Barisan Nasional (BN).

(END)